

Syor agensi khas kutip cukai bantu negara miskin

BH - 8 JUN 2001

Daripada Jamhariah Jaafar

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan penubuhan agensi antarabangsa untuk mengutip cadangan cukai daripada pedagang kaya bagi membantu negara miskin.

Perdana Menteri berkata, agensi berkenaan hendaklah diamanahkan mengutip cukai dan mengagihkannya kepada negara miskin yang memerlukan bagi pembinaan infrastruktur.

"Pedagang yang memperoleh keuntungan daripada dunia ini patut membayarnya semula kepada dunia," katanya dalam sesi dialog selepas menyampaikan ucap tama bertajuk 'Globalisasi, Masyarakat Global dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu' pada Siri Ceramah Utama U Thant di Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Universiti PBB dan Institut Pengajian Lanjutan, AH Zakri dan rektor universiti berkenaan, Hans van Ginkel.

Ketika menjawab soalan daripada peserta, beliau berkata, orang yang mempunyai keupayaan untuk berdagang di seluruh dunia dan meraih keuntungan, hendaklah membayar semula sesuatu kepada dunia.

Katanya, wang itu boleh digunakan untuk membantu negara miskin.

Dr Mahathir berkata, walaupun semua negara dikehendaki menyumbang 0.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) untuk

Cukai yang dikutip daripada pedagang kaya boleh diagihkan kepada negara miskin yang memerlukan pembiayaan bagi pembinaan infrastruktur

membantu negara miskin, tidak banyak yang berbuat demikian.

"Marilah kita mempunyai satu undang-undang untuk semua dan yang kaya (pedagang) yang membuat banyak keuntungan dalam pasaran global hendaklah membayar cukai untuk digunakan bagi membela negara miskin di dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata, buat masa ini beberapa negara miskin telahpun dipinggirkan dan tidak dimasukkan dalam mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Mereka mempunyai hak untuk mendapat faedah daripada dunia ini juga," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir menegur PBB supaya tidak hanya mengkritik sistem demokrasi yang diamalkan kebanyakan negara, sebaliknya melihat dulu kecacatan amalan berkenaan dalam pertubuhan itu sendiri.

Beliau berkata, selagi PBB tidak memulihkan amalan demokrasi dalam pertubuhannya sendiri, selagi itulah corak pentadbiran 'primitif' yang dilaksanakan selama ini akan berterusan.

"Hari ini, PBB bukanlah institusi yang kita harapkan. Kepercayaan bahawa kuasa besar yang diberi kuasa veto akan menggunakan hak itu untuk kebalikan tidak berlaku, sebaliknya kuasa veto sering di-

gunakan untuk perkara tidak betul.

"Pada kala kita menderang mengenai nilai demokrasi di negara kita, kita melihat ketidakwujudan demokrasi dalam hal ehwal antarabangsa. Di PBB dan di tempat lain, kuasa besar akan mengambil apa yang mereka mahu dan yang lemah terpaksa menyerah apa yang dikehendaki," katanya.

Ucapan Perdana Menteri yang lantang mendesak PBB memulihkan imej diri itu turut disiarkan oleh laman web badan dunia itu.

Beliau turut mempertikai definisi globalisasi yang cuba dipromosi badan dunia itu kerana walaupun enak didengar, sebenarnya ia turut mencipta kebimbangan dan reaksi negatif terutama di kalangan negara miskin.

"Mestikah kita tanpa sebarang persoalan menerima globalisasi sebagai pasaran bebas dan pasaran bebas adalah globalisasi?"

"Jawapannya sudah pasti tidak. Kita boleh mewujudkan globalisasi tanpa perlu mewujudkan sebuah pasaran yang benar-benar bebas atau sebarang peraturan, tanpa melupakan kerajaan sebagai pengawal dan pelaksana undang-undang," katanya.

Dr Mahathir turut menegur kewujudan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) oleh PBB yang diharapkan dapat membentuk

satu sistem perdagangan bebas dan adil ternyata meleset, tetapi ia sebenarnya adalah alat untuk negara kaya memperkayakan lagi diri mereka.

"WTO bukan mengenai perdagangan yang adil. Ia adalah mengenai paksaan ke atas negara yang tidak rela iaitu idea untuk membantu memperkayakan lagi diri mereka (negara-negara kaya)."

"Dalam sistem globalisasi WTO, dunia tanpa sempadan bukan hanya dipromosi tetapi dipaksa (untuk diterima oleh semua negara di dunia)," katanya.

Dr Mahathir berkata, ketika ini kebanyakan negara kecil tidak berdaya untuk menyekat kehadiran negara kaya, kerana bimbang akan kehilangan bantuan atau pinjaman atau sebarang bentuk perlindungan.

Lebih buruk lagi, katanya, negara-negara ini menghadapi agenda yang bukan ditentukan mereka sendiri, sebaliknya terpaksa mengikut telunjuk negara kaya yang tidak segan silu mengancam untuk menarik bantuan yang diterima selama ini.

Beliau mengakhiri ucapan dengan berkata, adalah menjadi haknya untuk bercakap secara bebas dan meluahkan pandangan secara ikhlas.

"Saya sadar saya akan diketepikan oleh mereka yang mengawal maklumat kepada dunia. Saya sadar saya akan dikutuk sebagai seorang yang berbeza pendapat. Tetapi saya percaya saya mempunyai hak yang sama untuk bebas meluahkan pendapat seperti mereka. Di sini saya menuntut hak saya," katanya.